

Muhammad  
hormati  
keputusan  
pucuk  
pimpinan 25

KLANG 18 Nov. — Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang digugurkan daripada senarai calon Barisan Nasional (BN) yang diumumkan petang ini menerima dan menghormati keputusan yang dibuat pucuk pimpinan parti.

Serentak dengan itu, beliau juga berjanji akan terus membantu BN memenangi pilihan raya umum 29 November ini dengan cemerlang.

“Saya terima dan hormati keputusan itu dengan tulus ikhlas dan akan terus membantu calon-calon BN menang cemerlang pada 29 November ini,” ujarnya ketika dihubungi di kediamannya di Kelana Jaya petang ini.

Katanya, apa yang penting sekarang ialah untuk memastikan BN terus berkuasa dengan majoriti besar.

Beliau juga menegaskan kesetiaannya kepada UMNO dan BN sedikitpun tidak terjejas walau pun tidak dicalonkan pada pilihan raya kali ini.

Muhammad menambah sebagai ahli UMNO beliau akan terus menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau seorang pemimpin yang sukar dicari ganti.